



HEDONISME DALAM GAYA HIDUP MAHASISWA: ANALISIS PERBELANJAAN DAN AKTIVITI HIBURAN MALAM DI KAWASAN KAMPUS

Nurdeena Mohd Faizal^{1*}, Iman Dania Fashanu Rozaidi¹ & Rayyan El Zahra
Mohd Fadzir¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah, Melaka

*2024249124@student.uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v6i1.7230>

Abstrak

E-JITU

Acceptance date:
29 January 2023

Valuation date:
15 March 2023

Publication date:
20 April 2023

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana pengaruh hedonisme dalam gaya hidup mahasiswa, dengan menumpukan kepada pola perbelanjaan dan aktiviti hiburan malam di kawasan kampus. Masalah utama yang dikenal pasti ialah peningkatan aktiviti luar yang bersifat hiburan dan pemborosan kewangan yang berlaku dalam kalangan pelajar. Objektif kajian adalah untuk menganalisis bentuk hiburan malam yang popular, pola perbelanjaan, dan faktor yang mempengaruhi kecenderungan aktiviti hiburan yang sering dilakukan. Kaedah kajian menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik. Hasil kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara pendedahan media sosial, rakan sebaya, dan gaya hidup hedonistik. Kajian mencadangkan agar universiti memperbanyakkan program alternatif yang bermanfaat dan mendidik.

Kata kunci: Hedonisme, Gaya Hidup, Mahasiswa, Hiburan Malam, Perbelanjaan.

HEDONISM IN STUDENTS' LIFESTYLES: AN ANALYSIS OF SPENDING AND NIGHT ENTERTAINMENT ACTIVITIES ON CAMPUS

Abstract

This study aims to examine the extent of the influence of hedonism on student lifestyles, by focusing on spending patterns and nightlife activities on campus. The main problem that is known for sure is the increase in outdoor activities of an entertainment nature and financial waste that occurs among students. The objective of the study is to analyze popular forms of nightlife, spending patterns, and factors that influence the tendency to frequently engage in entertainment activities. The study method uses a quantitative approach through questionnaires. The results of the study show that there is a significant relationship between social media exposure, peers, and hedonistic lifestyles. The study

suggests that universities increase alternative programs that are beneficial and educational.

Keywords: *Hedonism, Lifestyle, Students, Nightlife, Spending*

PENGENALAN

Budaya hedonisme telah melahirkan generasi muda yang tidak mementingkan masa depan. Masalah hedonisme semakin berleluasa di kalangan remaja. Ia hanya menginginkan keseronokan tanpa matlamat hidup yang tinggi. Baginya hidup hanya untuk bersuka ria dan berfoya-foya tanpa merancang masa depan yang lebih cerah. Budaya ini juga telah dikenal pasti sebagai agen penghakis amalan berbudi bahasa dalam kalangan anak muda. Melalui media hiburan yang dibawa dari Barat, anak-anak muda telah didedahkan dengan adat pertuturan yang kasar, gaya pemakaian yang menjolok mata dan cara pergaulan yang bebas. Ini adalah kesan yang diperolehi dari cara mereka berseronok mengikuti hiburan yang melampau yang didedahkan kepada mereka tanpa sekatan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, budaya hedonisme membawa maksud pegangan hidup yang mengutamakan keseronokan atau kesenangan hidup. Pelbagai alternatif dizahirkan oleh remaja bagi menikmati keseronokan seperti meraikan perayaan Halloween. Peristiwa Halloween pada 29 Oktober 2022 di Korea Selatan menjadi tragedi menyayat hati masyarakat dunia. Peristiwa tersebut telah mengorbankan 154 orang yang rata-ratanya terdiri dalam kalangan remaja.

Kejadian ini bukan hanya memberi kesan negatif kepada pengikutnya bahkan hukumnya haram menyambut Halloween bagi umat Islam. Hal ini kerana perayaan ini merupakan syiar sebahagian penganut agama Kristian dan mereka menyambutnya bagi memperingati roh-roh yang telah meninggal dunia. Meskipun kejadian ini berlaku di negara lain, namun situasi tersebut wajar dielakkan agar generasi muda negara ini bebas daripada gejala yang memudaratkan diri (Nilai Masyarakat. 2025).

Kajian ini dilakukan untuk melihat cara responden mempersepsikan bentuk hedonisme melalui faktor penengah iaitu faktor yang memudahkan budaya hedonisme. Menurut Wan Abdul Kadir Wan Yusof (2014:100), elemen budaya hiburan ini juga dipengaruhi oleh individu yang terlibat dalam industri hiburan, seperti artis popular. Artis-artis ini mempunyai kesan yang ketara terhadap masyarakat umum kerana mereka mempunyai keupayaan untuk menyediakan pengisian kepada masyarakat Melayu melalui pelbagai aktiviti hiburan, seperti lakonan, nyanyian dan tarian.

Selain itu, teori Bowlby (1982) dan model keakraban rakan sebaya oleh Armsden dan Greenbergh (1987:427) menunjukkan bahawa faktor keakraban dengan rakan sebaya adalah penting dalam pembentukan tingkah laku belia. Rakan sebaya memainkan peranan penting dalam gaya hidup dan cara berfikir seseorang. Rakan sebaya mempunyai kesan yang sama kepada setiap peringkat umur. Oleh itu, teori dan model ini diubah suai untuk melihat bagaimana budaya hedonisme mempengaruhi sampel kajian yang pelbagai peringkat umur.

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kekerapan aktiviti hiburan malam yang dilakukan oleh para mahasiswa. Selain daripada itu, ia juga untuk menganalisis corak perbelanjaan mahasiswa ke atas aktiviti hiburan yang merupakan salah satu punca pemborosan kewangan yang berlaku. Akhir sekali, untuk mengetahui faktor-faktor pengaruh budaya hedonisme kepada para mahasiswa (Norazlan, N. E., & Abdul Rahman, 2016).

SOROTAN LITERATUR

Hedonisme merupakan sebuah falsafah hidup yang menganggap bahawa matlamat utama kehidupan manusia adalah untuk mencapai kenikmatan, keseronokan, dan kebahagiaan. Falsafah ini berasal daripada perkataan Yunani kuno, "hedone" yang bermaksud "keseronokan" atau "kegembiraan". Menurut aliran pemikiran ini, segala perbuatan manusia seharusnya dinilai berdasarkan sejauh mana ia dapat memberikan nikmat dan menghindarkan penderitaan. Dalam konteks ini, keseronokan dianggap sebagai nilai tertinggi yang patut dicari dalam kehidupan. Falsafah hedonisme bukanlah satu pemikiran baharu. Ia telah wujud sejak zaman purba, terutamanya dalam pemikiran tokoh-tokoh falsafah Yunani seperti Aristippus dari Cyrene dan Epicurus. Aristippus mempercayai bahawa kenikmatan fizikal adalah tujuan hidup yang sebenar dan harus dikejar secara langsung, manakala Epicurus lebih menekankan kepada kenikmatan intelektual dan kebebasan daripada kesakitan serta ketakutan. Walaupun terdapat perbezaan dalam pendekatan, kedua-duanya tetap meletakkan keseronokan sebagai asas kebahagiaan manusia (Cendoolurian, 2024).

Remaja hari ini biasanya pergi ke konsert untuk berhibur, bersenang-senang, dan melepaskan tekanan. Remaja pergi ke konsert juga untuk melihat dan berhibur dengan idola mereka. Misalnya, konsert di Kuala Lumpur pada 18 Ogos 2022 yang melibatkan penyanyi antarabangsa seperti Billie Eilish telah mendapat sambutan hangat daripada remaja Malaysia. Menurut Serimah (2022), konsert itu dianggap membawa elemen penyebaran ideologi LGBT, yang bertentangan dengan hukum Islam. Kumpulan The 1975, yang berasal dari Wilmslow, Cheshire, baru-baru ini membuat Malaysia terkejut apabila mereka membuat persembahan di Festival

Good Vibes di Litar Antarabangsa Sepang. Kumpulan ini jelas telah mempromosikan dan menyokong ideologi LGBT. Perkara ini terbukti apabila Matty Healy, penyanyi kumpulan ini, melakukan perbuatan tidak senonoh dengan meminum minuman keras semasa persembahan, berkata perkara yang lucah dan keji, dan berciuman dengan lelaki lain. Tambahan pula, dia menghina undang-undang negara yang menghalang LGBT daripada dipaparkan kepada penonton (MSTAR, 2023).

Selain itu, band rock Coldplay dari Britain akan membuat persembahan di Malaysia pada 22 November 2023 di Stadium Nasional Bukit Jalil. Dalam persembahan mereka, kumpulan ini jelas mempromosikan dan menyokong ideologi LGBT dengan mengibarkan bendera LGBT semasa menyanyi dan menari (Harakahdaily, 2023).

Di samping itu, seperti yang ditunjukkan oleh trend semasa, remaja mempunyai minat dan pengaruh yang besar terhadap artis Korea Selatan. Artis Korea mempengaruhi remaja

negara sehingga ramai wanita Melayu sanggup melakukan perkara yang tidak dijangka dan menyimpang daripada etika Islam. Sebagai contoh, terdapat peristiwa di mana tiga wanita Melayu bertudung berpeluk dengan artis berkumpulan lelaki dari Korea Selatan, dan wanita Melayu menyalakan lilin untuk mengingati kematian artis yang mereka sayangi. Menurut Syaidatana Siti Aishah dan Mohd Rizal (2023), semua tindakan ini mempunyai imej yang buruk dan merosakkan akidah Islam.

Namun begitu, Malaysia tetap membuka peluang untuk konsert sebegini terus diadakan di negara ini atas dasar memberi hak kebebasan kepelbagaian kaum dan menjana ekonomi negara. Contohnya, menjelang Ramadan 1444 Hijrah, pada 4 Mac 2023, Malaysia sekali lagi menjadi tumpuan lokasi konsert nyanyian besar-besaran yang dipersembahkan oleh kumpulan wanita K-Pop Blackpink, ini merupakan konsert mereka kali kedua di negara ini dengan kali pertama pada tahun 2019. Berita melaporkan bahawa seramai 60,000 peminat kumpulan ini memenuhi Stadium Nasional Bukit Jalil malah dikatakan mereka sanggup menunggu dan tiba di lokasi seawal jam 10 pagi lagi. Rata-rata pengunjung konsert ini adalah daripada kalangan pemuda dan pemudi pelbagai bangsa, termasuk Melayu dan beragama Islam (Hasif Idris, 2023).

Ideologi yang bertentangan dengan Islam jelas membahayakan masyarakat Islam di negara ini apabila konsert dianjurkan (Harakahdaily, 2023). Jika pihak berkuasa tidak mengambil tindakan yang perlahan dan tidak proaktif, kumpulan-kumpulan ini hanya akan dapat memasuki negara kita melalui hiburan yang tidak terkawal dan di luar garis panduan agama (Syed Shamsuddin, Ab. Rahim, & Mat Bakri, 2023).

Rakan sebaya ialah kumpulan orang yang sama umur yang tinggal di kawasan yang sama, seperti rakan sekolah, sekerja atau rakan sebaya. Rakan sebaya mempunyai hubungan persahabatan apabila mereka berkongsi pengalaman, perasaan dan perspektif hidup mereka, yang sangat mempengaruhi tingkah laku mereka. Pengaruh hubungan rakan sebaya boleh positif atau negatif, menurut tinjauan literatur terdahulu (Zahrt & Lange, 2011; Albert & Steinberg, 2011; Brechwald & Prinsein, 2011). Walau bagaimanapun, rakan sebaya adalah penting untuk membantu belia berkembang dan berkembang sehingga mereka meningkat dewasa. Studi menunjukkan bahawa rakan sebaya yang baik boleh meningkatkan kesejahteraan dan kegembiraan dalam hidup (Durlak, Weissberg & Pachan, 2010; Piaget, 1965). Keadaan ini turut menyumbang kepada nilai-nilai terminal dalam diri belia seperti keselesaan dan kebahagiaan yang mendorong belia untuk memaparkan tingkah laku yang positif. Rakan sebaya mempunyai empat jenis hubungan dengan tingkah laku (Gonzales & Dodge, 2009; Kupersmidt & Dodge, 2004), yang semuanya berasaskan kepercayaan antara satu sama lain.

Pertama, pengukuhan hubungan rakan sebaya berlaku semasa proses memberi dan menerima pandangan tentang sesuatu. Kedua, hubungan romantik ialah apabila teman setia mendengar, memahami perasaan orang lain dan memulakan hubungan sebagai pasangan. Hubungan jenis ketiga ialah berkumpul dalam kumpulan; ini akan menimbulkan perasaan dihormati dan disanjung serta mencipta idea tentang pengikut dan pemimpin. Dalam peringkat ini, belia sama ada akan dipandang rendah atau ditolak oleh rakan sebaya mereka. Keempat ialah hubungan rakan sebaya, yang dipengaruhi oleh media dan budaya moden. Media ini mengubah pengetahuan, perspektif dan amalan.

Rumusannya, pembentukan dan perkembangan tingkah laku belia ditentukan oleh banyak faktor. Ahli psikologi menerangkan tingkah laku belia dari perspektif teori psikologikal, sosiologikal dan psikososial yang melalui tahap dan fasa yang pelbagai. Berasaskan teori ekologi manusia oleh Bronfenbrenner (1989) tingkah laku dipengaruhi oleh hubungan dengan rakan sebaya. Kajian juga membuktikan pengaruh rakan sebaya boleh bersifat positif dan negatif, justeru, mampu mengubah tingkah laku golongan ini serentak dengan perkembangan semasa (Hamzah et al., 2013).

Budaya hedonisme yang menjadi pegangan segelintir masyarakat pada masa kini telah membawa pelbagai kesan buruk, termasuklah kesannya terhadap ilmu pengetahuan. Ilmu merupakan aset yang sangat berharga dalam kehidupan seseorang. Ia menjadi kunci kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Individu yang berilmu mempunyai kesedaran untuk memperbaiki kehidupannya ke arah yang lebih baik. Gabungan antara akal dan fikiran akan memandu manusia menuju kecemerlangan dan kejayaan hidup. Hal ini kerana hasil daripada pemikiran yang matang akan melahirkan pelbagai penemuan ilmu yang menjadi landasan dalam menghadapi cabaran hidup. Pemikiran yang mantap dan kesungguhan dalam menuntut ilmu sejak usia muda akan membentuk masyarakat yang berwawasan dan berdaya saing.

Namun begitu, sebahagian remaja masa kini telah menyalahgunakan kecanggihan sains dan teknologi. Mereka kurang cenderung untuk mengisi diri dengan ilmu pengetahuan yang mampu menjamin kebahagiaan hidup yang sebenar. Dengan adanya ilmu, manusia sepatutnya mampu melindungi diri daripada pengaruh budaya dan ideologi yang merosakkan serta memesongkan cara berfikir. Malangnya, masyarakat hari ini lebih mengagungkan ilmu moden hasil ciptaan manusia, hingga menyebabkan mereka mudah dipengaruhi oleh ideologi dan budaya Barat.

Seterusnya, budaya hedonisme turut menyumbang kepada lahirnya individu yang berhati keras, enggan menerima kebenaran, dan terus hidup dalam kesesatan. Kesenangan hidup serta kemewahan yang berlebihan menjadikan hati manusia menjadi beku, hilang kepekaan terhadap kebenaran, dan akhirnya merosakkan fitrah kemanusiaan. Bahkan, budaya ini menyebabkan segelintir individu menjadi angkuh terhadap petunjuk Tuhan dan tetap berdegil mempertahankan kepalsuan yang mereka ikuti. Mereka yang hidup dalam kemewahan sering kali tertipu dengan nilai-nilai palsu serta nikmat dunia yang sementara. Golongan ini mudah terpedaya dengan harta dan kekuatan yang dimiliki, seolah-olah segalanya berada dalam kawalan mereka semata-mata.

Budaya hedonisme menetapkan keseronokan, kegembiraan, dan kenikmatan sebagai tujuan utama dalam kehidupan. Falsafah hidup ini menjadikan kebebasan mutlak sebagai keutamaan dan mengangkat hiburan sebagai ‘tuhan’ yang diikuti. Dalam budaya ini, segala bentuk kemewahan dan kenikmatan dunia dijadikan asas kehidupan. Individu yang menganut fahaman hedonisme lazimnya mementingkan diri sendiri, berfikiran individualistik serta mengagungkan materialisme. Mereka hanya mengejar kekayaan dan kejayaan diri tanpa memikirkan kesejahteraan orang lain.

Selain itu, budaya hedonisme juga menjadikan manusia sombong dan lupa daratan. Kemewahan yang mereka miliki telah menjejaskan fitrah asal insan yang sepatutnya

berjiwa lembut dan berakhlak mulia. Sebaliknya, mereka menjadi kasar, keras hati, dan kehilangan rasa empati terhadap sekeliling. Sikap tamak mengumpul harta, keinginan tinggi untuk hidup mewah serta sikap suka menunjuk-nunjuk menjadi antara punca mengapa seseorang mudah terjebak dalam perbuatan jenayah seperti rasuah.

Ramai individu, khususnya dalam kalangan golongan muda profesional, tergodanya dengan kemewahan dan kekayaan hingga sanggup mengabaikan prosedur serta jalan yang betul. Mereka ingin cepat berjaya, terkenal, dan kaya tanpa perlu bersusah payah atau berusaha dengan gigih. Keinginan ini akhirnya mendorong mereka memilih jalan singkat seperti rasuah. Amalan rasuah pula membawa pelbagai kesan negatif yang serius, bukan sahaja terhadap individu terbabit, malah turut memberi impak buruk kepada masyarakat dan negara. Ia merosakkan sistem pentadbiran, melemahkan integriti, dan menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap institusi penting negara (Hamzah, Sabjan, & Mat Akhir, 2016).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif, iaitu pendekatan penyelidikan yang menekankan kepada pengumpulan dan penganalisisan data dalam bentuk numerik. Pendekatan ini dipilih untuk mengukur secara objektif corak perbelanjaan, kecenderungan hedonisme, serta bentuk aktiviti hiburan malam dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Reka bentuk ini membolehkan analisis statistik dilakukan ke atas pemboleh ubah terpilih (Creswell & Creswell, 2018).

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada mahasiswa pelbagai peringkat pengajian dan fakulti dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS). Sebanyak 159 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan responden menggunakan kaedah persampelan rawak mudah, tanpa mengambil kira jantina, kaum atau program pengajian, bagi memastikan representasi yang adil dan tidak bias.

Kaedah Pengumpulan Data

Instrumen kajian berupa soal selidik yang diedarkan menggunakan platform Google Form. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian utama: Bahagian A: Maklumat demografi (jantina, umur, institusi, tahun pengajian, program pengajian) Bahagian B: Corak aktiviti hiburan malam (lokasi, kekerapan, jenis aktiviti) Bahagian C: Corak perbelanjaan pelajar terhadap aktiviti hiburan (jumlah perbelanjaan, sumber kewangan)

Bahagian D: Pengaruh hedonisme dalam gaya hidup pelajar (pengaruh rakan sebaya, media sosial, faktor luaran) menggunakan skala Likert lima mata. Soal selidik diedarkan secara atas

talian kepada pelajar IPTA dan IPTS di kawasan kampus bandar melalui aplikasi WhatsApp, Telegram dan media sosial antara 1 hingga 14 Jun 2025. Reka bentuk soal selidik ini membolehkan pengukuran pelbagai aspek berkaitan gaya hidup mahasiswa dalam konteks hedonisme.

Kaedah Penganalisan Data

Data dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel dan SPSS versi 28.0. Analisis deskriptif digunakan untuk mengenal pasti taburan frekuensi, peratusan, dan min bagi aktiviti hiburan dan corak perbelanjaan. Bagi Bahagian D, hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan media sosial dengan kecenderungan gaya hidup hedonistik dianalisis menggunakan ujian korelasi Pearson (Pallant, 2020).

Etika Kajian

Kajian ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan. Semua responden diberikan penerangan berkenaan objektif kajian, dan penyertaan adalah secara sukarela. Identiti responden dirahsiakan dan data digunakan semata-mata untuk tujuan akademik. Tiada unsur paksaan dan tiada insentif diberikan bagi menjaga integriti kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Kajian ini melibatkan seramai 159 orang responden dalam kalangan mahasiswa IPTA dan IPTS yang menjalani pengajian di kawasan kampus bandar. Bahagian ini melaporkan hasil kajian yang merangkumi maklumat demografi, corak aktiviti hiburan malam, corak perbelanjaan serta pengaruh hedonisme berdasarkan tiga objektif utama kajian.

Maklumat Demografi Responden

PERKARA	KATEGORI	KEKERAPAN	PERATUS %
JANTINA	LELAKI	27	17
	PEREMPUAN	130	83
UMUR	18 TAHUN	8	5
	19 TAHUN	132	83
	20 TAHUN	13	8.2
	21 TAHUN	6	3.8

TEMPAT TINGGAL SEMASA BELAJAR	KOLEJ KEDIAMAN	110	69.2
	RUMAH SEWA	41	25.8
	BERSAMA KELUARGA	6	6.3
KAWASAN KEDIAMAN	BANDAR	85	53.5
	LUAR BANDAR	72	46.5

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden adalah pelajar perempuan iaitu sebanyak 82.8%, manakala 17.2% adalah pelajar lelaki. Dari segi umur, 84.1% responden berumur 19 tahun, menandakan bahawa kebanyakan peserta adalah pelajar tahun pertama. Peratusan responden berumur 20, 18 dan 21 tahun pula masing-masing adalah 8.3%, 5.1%, dan 3.8%. Ini menunjukkan bahawa kajian ini lebih tertumpu kepada golongan pelajar baru, yang mungkin lebih terdedah kepada persekitaran baru dan pengaruh luar seperti rakan dan media sosial. Berdasarkan tempat tinggal semasa pengajian, 70.1% pelajar tinggal di kolej kediaman, diikuti 26.1% tinggal di rumah sewa dan hanya 3.8% tinggal bersama keluarga. Ini menunjukkan

bahawa majoriti pelajar hidup berdikari dan berinteraksi aktif dalam persekitaran sosial kampus. Dari segi kawasan kediaman asal, 54.1% responden berasal dari kawasan bandar, manakala 45.9% dari luar bandar. Ini menunjukkan wujudnya kepelbagaian latar belakang yang memungkinkan perbezaan dalam keterdedahan kepada elemen-elemen gaya hidup moden dan hedonistik.

Menurut kajian oleh Ahmad dan Hashim (2016), remaja yang tinggal di kawasan bandar lebih terdedah kepada media massa, teknologi maklumat dan persekitaran sosial yang mendorong kepada gaya hidup konsumtif dan hiburan. Sebaliknya, remaja di luar bandar mungkin kurang terdedah, namun masih berpotensi dipengaruhi oleh faktor keluarga dan pendedahan digital yang tidak langsung. Hal ini selari dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan tahap penglibatan dalam aktiviti hiburan tidak jauh berbeza antara responden dari bandar dan luar bandar.

Kekerapan dan Jenis Aktiviti Hiburan Malam

Kajian ini menganalisis corak penglibatan mahasiswa dalam aktiviti hiburan malam dari segi kekerapan, jenis aktiviti dan pihak yang sering bersama mereka. Dapatan ini memberi gambaran awal terhadap sejauh mana aktiviti hiburan menjadi rutin dan siapa yang berperanan dalam mendorong penglibatan tersebut.

KEKERAPAN	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS %
-----------	--------------------	-----------

JARANG/TIDAK PERNAH	71	44.7
1-2 KALI SEMINGGU	53	33.3
3-4 KALI SEMINGGU	19	11.9
SETIAP MALAM	16	10.1

JADUAL 2: Kekerapan Terlibat dalam Aktiviti Hiburan Malam Sumber: Data soal selidik *Google Form*, 2025

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, seramai 71 orang responden (44.7%) menyatakan mereka jarang atau tidak pernah terlibat dalam aktiviti hiburan malam. Namun, 53 orang (33.3%) menyertai aktiviti ini 1–2 kali seminggu, manakala sebahagian kecil menyatakan mereka terlibat hampir setiap malam (10.1%). Ini menunjukkan bahawa walaupun majoriti pelajar tidak kerap terlibat, terdapat kumpulan signifikan yang menjadikan aktiviti malam sebagai rutin mingguan. Hasil kajian ini menjawab objektif kajian yang pertama.

JENIS AKTIVITI	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS %
BERSIAR-SIAR/LEPAK	117	73.6
BERMAIN PERMAINAN VIDEO/ESUKAN	41	25.8
MENONTON WAYANG/KONSERT	40	25.2
KARAOKE	26	16.4
TIADA	4	2.5

JADUAL 3: Jenis Aktiviti Hiburan Sumber: Data soal selidik *Google Form*, 2025

Hasil kajian mendapati bahawa bentuk aktiviti hiburan malam yang paling kerap dilakukan oleh responden ialah bersiar-siar atau lepak bersama rakan-rakan iaitu seramai 117 orang (73.6%). Corak ini menunjukkan bahawa aktiviti lepak atau bersiar-siar pada waktu malam masih menjadi budaya dominan dalam kalangan mahasiswa. Seperti yang dijelaskan oleh Mohd Farhan Zainal (2007) dalam kajiannya *Lepak: Satu Fenomena Sosial Remaja*, aktiviti lepak sering berlaku di tempat awam seperti kafe, pusat membeli-belah dan kawasan terbuka. Ia bukan sekadar hiburan, malah menjadi ruang sosial dan ekspresi sendiri, sesuai dengan ciri-ciri remaja moden. Diikuti dengan permainan video/e-sukan sebanyak (25.8%). Aktiviti ini semakin popular mencerminkan pendedahan pelajar IPT kepada hiburan digital. Kajian oleh Zulkifli (2010) dalam *Ketagihan Remaja Terhadap Permainan Video* menyatakan bahawa permainan video boleh menjadi saluran

pelarian daripada tekanan, namun berisiko menjejaskan pengurusan masa dan prestasi akademik jika tidak dikawal dengan baik. Ini menyokong dapatan kajian bahawa 25.8% responden menjadikan permainan video sebagai sebahagian daripada aktiviti malam mereka. Seterusnya, menonton wayang atau konsert (25.2%). Aktiviti ini dilihat sebagai satu bentuk hiburan visual dan emosi yang memberikan kepuasan serta membantu melepaskan tekanan akademik.

Seperti yang dinyatakan dalam Sayapejuangbahasa.blogspot.com (2018), filem dan hiburan seumpamanya membantu remaja melarikan diri daripada tekanan realiti dan memenuhi keperluan psikologi dan sosial. Manakala aktiviti karaoke masih menarik minat (16.4%) responden walaupun tidak sepopular lepak atau menonton wayang. Kajian oleh LSUPariwisata (2023) menyatakan bahawa individu sering berkumpul di karaoke kerana ia menggalakkan keakraban, melepaskan emosi, serta memberi peluang untuk memperkukuh ikatan sosial melalui aktiviti berpasangan atau berkumpul. Akhir sekali, sebanyak 4 orang responden (2.5%) menyatakan mereka tidak terlibat langsung dalam sebarang aktiviti hiburan malam. Responden dibenarkan memilih lebih daripada satu pilihan jawapan, justeru jumlah keseluruhan peratusan melebihi 100%.

Pihak Yang Sering Bersama Dalam Aktiviti Hiburan Malam	Bilangan Responden	Peratus%
Pasangan	19	11.9
Ahli Keluarga	39	24.5
Bersendirian	40	25.2
Rakan Sebaya	136	85.5

JADUAL 4: Pihak Yang Sering Bersama Dalam Aktiviti Hiburan Malam

Sumber: Data soal selidik *Google Form*, 2025

Hasil kajian menunjukkan bahawa rakan sebaya memainkan peranan paling dominan, dengan 85.5% responden melibatkan diri dalam aktiviti hiburan malam bersama mereka. Ini memperkukuh hipotesis bahawa keakraban dengan rakan sebaya adalah salah satu faktor utama yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku hedonistik dalam kalangan belia Hamzah et al (2013). Sebahagian kecil responden menyatakan bahawa mereka lebih selesa melakukan aktiviti hiburan malam secara bersendirian (25.2%), bersama ahli keluarga (24.5%), atau bersama pasangan (11.9%). Responden dibenarkan memilih lebih daripada satu pilihan jawapan, justeru jumlah keseluruhan peratusan melebihi 100%.

Corak Perbelanjaan Pelajar dalam Aktiviti Hiburan Malam

ANGGARAN JUMLAH PERBELANJAAN AKTIVITI HIBURAN [RM]	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS%
KURANG DARIPADA RM20	41	25.8
RM20 HINGGA RM50	48	30.2
RM51 HINGGA RM100	47	29.6
MELEBIHI RM100	14	8.8
TIADA	9	5.6

JADUAL 5: Anggaran Perbelanjaan Mingguan Aktiviti Hiburan Malam Sumber: Data soal selidik *Google Form*, 2025

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar membelanjakan antara RM20 hingga RM50 seminggu untuk aktiviti hiburan malam iaitu seramai 48 orang (30.2%) Manakala 47 orang (29.6%) membelanja antara RM51 hingga RM100. Ini membuktikan bahawa terdapat trend perbelanjaan yang agak tinggi dalam kalangan mahasiswa untuk aktiviti tidak akademik. Walaupun sebahagian besar responden menunjukkan corak perbelanjaan sederhana hingga tinggi, seramai 41 orang (25.8%) menyatakan bahawa mereka hanya membelanjakan kurang daripada RM20 seminggu bagi aktiviti hiburan malam. Peratusan ini menunjukkan wujudnya golongan mahasiswa yang lebih berhati-hati dalam membelanja dan mungkin mengutamakan keperluan asas berbanding kehendak. Sebanyak 14 orang (8.8%) membelanjakan lebih daripada RM100 seminggu, yang menandakan wujudnya kecenderungan terhadap perbelanjaan mewah dalam kalangan segelintir pelajar. Sementara itu, hanya 9 orang (5.6%) menyatakan mereka tidak membelanjakan sebarang wang untuk hiburan malam. Corak ini memberi gambaran bahawa gaya hidup hedonistik mungkin mendorong pelajar kepada pola perbelanjaan yang tidak terkawal, terutama apabila mereka membelanjakan wang dalam jumlah yang signifikan secara mingguan.

Perkara	Kategori	Bilangan Responden	Peratus%
Sumber Kewangan	Ibu & Bapa	97	61
	Pembiayaan Pendidikan	68	42.8

	Kerja Sambilan	25	15.7
	Lain-Lain	10	6.4
Berhutang	Ya	8	5
	Tidak	151	95

JADUAL 6: Sumber Kewangan Utama bagi Perbelanjaan Hiburan Sumber: Data soal selidik *Google Form*, 2025

Hasil kajian mendapati bahawa sumber utama kewangan untuk aktiviti hiburan dalam kalangan mahasiswa adalah perbelanjaan dari ibu bapa, iaitu sebanyak (61%) responden, diikuti oleh pembiayaan pendidikan seperti PTPTN, JPA (42.8%). Sementara itu, hanya sebahagian kecil responden (15.7%) menggunakan pendapatan daripada kerja sambilan sebagai sumber pembiayaan hiburan mereka. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar mahasiswa masih bergantung kepada bantuan kewangan keluarga dan pinjaman pendidikan, dan tidak memiliki pendapatan sendiri yang kukuh. Kecenderungan ini menggambarkan bahawa gaya hidup hiburan yang dijalani masih bergantung kepada sumber luar, dan berpotensi menimbulkan risiko dari segi pengurusan kewangan jika tidak dikawal. Kategori “lain-lain” (6.4%) turut melibatkan responden yang mendapatkan wang dari sumber tidak tetap.

Responden dibenarkan memilih lebih daripada satu pilihan jawapan, justeru jumlah keseluruhan peratusan melebihi 100%. Walaupun begitu, 95% pelajar tidak pernah berhutang untuk hiburan. Ini menunjukkan mereka masih tahu mengawal perbelanjaan, walaupun gaya hidup hiburan agak aktif. Namun, kewujudan 5% yang mengaku pernah berhutang adalah isyarat awal tentang kemungkinan pengaruh hedonisme terhadap cara mereka mengurus kewangan. Hasil kajian ini menjawab objektif kajian yang kedua.

Pengaruh Hedonisme dalam Gaya Hidup

Pernyataan	1-2 Tidak Setuju		3 Neutral		4-5 Setuju	
	Bilangan Responde N	Peratus %	Bilangan Responde N	Peratus %	Bilangan Responde N	Peratus %

Aktiviti Hiburan Malam Membantu Mengurangkan Tekanan	9	5.7	44	27.8	105	66.5
Saya Terdorong Mengikuti Gaya Hidup Tertentu Kerana Media Sosial	48	30.2	56	35.2	55	34.6
Saya Terpengaruh Oleh Rakan Sebaya Untuk Terlibat Dalam Hiburan Malam	17	10.7	38	23.9	104	65.4

JADUAL 7: Tahap Persetujuan Responden terhadap Tiga Elemen Pengaruh Hedonisme
 Sumber: Data soal selidik Google Form, 2025

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa aktiviti hiburan malam membantu mereka mengurangkan tekanan pengajian, dengan (66.5%) memilih skor 4–5 pada skala Likert. Ini membuktikan bahawa hiburan bukan sahaja dilihat sebagai satu bentuk keseronokan, tetapi juga sebagai mekanisme mengatasi stres dalam kalangan mahasiswa.

Di samping itu, pengaruh media sosial juga menunjukkan kesan yang hampir seimbang (34.6%) setuju, (35.2%) neutral, dan (30.2%) tidak setuju. Ini menggambarkan bahawa meskipun media sosial seperti TikTok dan Instagram menyumbang kepada penyebaran gaya hidup hedonistik, pengaruhnya mungkin bergantung kepada individu, tahap literasi media, dan latar belakang sosial responden.

Seterusnya, sebanyak (65.4%) responden menyatakan bahawa mereka terpengaruh oleh rakan sebaya untuk turut serta dalam aktiviti hiburan malam. Ini selari dengan dapatan oleh Hamzah et al. (2013), yang menegaskan bahawa rakan sebaya merupakan pengaruh utama dalam pembentukan gaya hidup belia, khususnya dalam aktiviti sosial dan budaya popular. Sebaliknya, hanya (10.7%) yang menolak idea tersebut, menunjukkan dominasi pengaruh kelompok dalam membuat pilihan gaya hidup.

Kesimpulannya, dapatan ini menyokong bahawa unsur hedonisme dalam gaya hidup pelajar bukan sahaja berpunca daripada keseronokan semata-mata, tetapi turut didorong oleh tekanan akademik, pengaruh rakan sebaya dan media sosial yang membentuk persepsi serta tindakan harian mahasiswa.

Faktor	Bilangan Responden	Peratus%
Rakan Sebaya	64	40.3
Tekanan Belajar	46	28.9
Media Sosial	22	13.8
Menghilangkan Bosan	14	8.8
Fomo [Fear Of Missing Out]	10	6.3
Merit Aktiviti Uitm	3	1.9

JADUAL 8: Jadual 11: Faktor Utama Mendorong Aktiviti Hiburan Sumber: Data soal selidik *Google Form*, 2025

Hasil kajian menunjukkan bahawa rakan sebaya adalah faktor utama yang mendorong penglibatan mahasiswa dalam aktiviti hiburan malam, dengan 40.3% responden memilihnya. Hal ini selaras dengan kajian oleh Mohd Azmir dan Che Zainal (2016) yang menyatakan bahawa interaksi sosial yang kuat dalam kalangan pelajar mendorong mereka meniru tingkah laku hedonistik rakan sebaya.

Tekanan belajar muncul sebagai faktor kedua tertinggi (28.9%), menunjukkan bahawa ramai pelajar menggunakan hiburan malam sebagai mekanisme untuk meredakan beban akademik. Ini selari dengan dapatan sebelumnya bahawa pelajar percaya aktiviti hiburan malam membantu mengurangkan tekanan.

Selain itu, media sosial turut dikenalpasti sebagai pendorong utama (13.8%) yang menggalakkan pelajar meniru gaya hidup selebriti dan trend semasa yang dipaparkan di platform seperti Instagram dan TikTok (Missthreetower, 2017).

Seterusnya, sebanyak 8.8% pelajar pula menyatakan bahawa mereka terlibat dengan hiburan malam kerana perasaan bosan. Ini menunjukkan bahawa ketiadaan aktiviti alternatif yang berfaedah dan kekurangan pengisian masa lapang boleh menyebabkan mereka mencari hiburan sebagai pengisi waktu. Keadaan ini menunjukkan perlunya perancangan aktiviti universiti yang lebih menarik untuk menarik minat mahasiswa. Kemudian, faktor FOMO (Fear of Missing Out) mencatat 6.3%, membuktikan bahawa keinginan untuk tidak ketinggalan dalam aktiviti rakan juga mendorong penglibatan dalam hiburan malam (Sitorus et al., 2023).

Akhir sekali, hanya 1.9% menyatakan bahawa merit aktiviti seperti yang ditawarkan oleh UiTM menjadi motivasi untuk menyertai program berbentuk hiburan. Hasil kajian ini menjawab objektif kajian yang ketiga.

PERBINCANGAN

Perbincangan ini menghuraikan dapatan kajian mengenai pengaruh hedonisme terhadap gaya hidup mahasiswa berdasarkan tiga objektif utama, iaitu bentuk aktiviti hiburan malam, corak perbelanjaan pelajar, dan tahap pengaruh hedonistik dalam kehidupan harian mereka.

Keseluruhan dapatan mencerminkan realiti gaya hidup pelajar masa kini yang semakin terdedah kepada budaya popular, media digital dan norma sosial yang menekankan hiburan dan kepuasan diri. Pertama sekali, hasil kajian mendapati bahawa majoriti mahasiswa aktif terlibat dalam pelbagai aktiviti hiburan malam seperti lepak di kafe, karaoke, permainan video dan menonton wayang.

Dapatan ini sejajar dengan dapatan oleh Mohd Farhan Zainal (2007), yang menyatakan bahawa aktiviti lepak dalam kalangan remaja bukan sahaja berlaku di ruang awam, tetapi turut menjadi saluran ekspresi emosi dan pembentukan identiti sosial. Kajian ini juga menunjukkan bahawa 33.3% pelajar terlibat dalam hiburan malam sekurang-kurangnya 1-2 kali seminggu.

Hal ini memberi gambaran bahawa aktiviti ini telah menjadi sebahagian daripada rutin pelajar, bukan lagi sekadar pelepasan sekali-sekala. Ia turut disokong oleh Sayapejuangbahasa (2018) yang menegaskan bahawa filem, muzik dan hiburan moden membantu individu mengalihkan perhatian daripada tekanan realiti dan memberi kepuasan psikologi yang bersifat sementara. Dari segi kewangan pula, dapatan menunjukkan corak perbelanjaan pelajar semakin condong ke arah konsumerisme dan budaya berbelanja berlebihan. Sebanyak 30.2% responden membelanjakan antara RM20 hingga RM50 seminggu untuk hiburan malam, manakala hampir 9% berbelanja melebihi RM100.

Lebih membimbangkan, sebahagian besar dana ini diperolehi daripada pembiayaan pendidikan (seperti PTPTN atau JPA) atau perbelanjaan yang diberikan oleh ibu bapa. Kajian oleh KOWAJA (2022) menjelaskan bahawa kurangnya literasi kewangan menyebabkan pelajar tidak menyedari risiko tabiat berbelanja tanpa kawalan, terutama apabila perbelanjaan itu tidak mendatangkan pulangan jangka panjang. Dalam hal ini, wujud keperluan mendesak untuk memperkenalkan modul pendidikan kewangan di institusi pengajian tinggi, terutamanya kepada pelajar tahun pertama yang masih menyesuaikan diri dengan kehidupan kampus.

Selain itu, kewujudan 5% pelajar yang mengaku berhutang untuk menampung gaya hidup hiburan adalah satu isyarat serius. Ini mencerminkan kemungkinan pelajar mula menyalahgunakan pinjaman pendidikan untuk memenuhi keinginan peribadi. Seperti ditegaskan oleh Mohamad (2023), kelemahan dalam mengurus sumber kewangan di

peringkat universiti boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental dan akademik pelajar.

Dapatan juga menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya dan media sosial merupakan dua faktor paling signifikan dalam mencorakkan gaya hidup pelajar. Sebanyak 65.4% responden mengakui terpengaruh dengan rakan-rakan dalam membuat keputusan berkaitan aktiviti hiburan malam. Kajian terdahulu oleh Hamzah et al. (2013) turut menyokong penemuan ini, di mana interaksi sosial sesama rakan sangat mempengaruhi corak tingkah laku, khususnya dalam kalangan pelajar yang ingin diterima dalam kumpulan mereka.

Di samping itu, pengaruh media sosial seperti TikTok dan Instagram juga dilihat menyumbang kepada penyebaran gaya hidup hedonistik. Ramai pelajar terdorong meniru gaya hidup selebriti atau 'influencer' yang sering mempamerkan kemewahan, percutian, dan hiburan mewah. Missthreetower (2017) menyatakan bahawa platform media sosial kini memainkan peranan penting dalam membentuk norma baru dalam kalangan belia, termasuklah gaya berpakaian, pemikiran dan aspirasi hidup yang berorientasikan materialisme dan hiburan. Fenomena ini dikenali sebagai Fear of Missing Out (FOMO), iaitu ketakutan untuk tertinggal daripada trend semasa, telah mendorong pelajar menyertai aktiviti hiburan walaupun tidak mampu. Seperti yang dijelaskan oleh Sitorus et al. (2023), FOMO menjadi punca peningkatan aktiviti konsumtif dalam kalangan generasi muda, termasuk pelajar universiti.

Tambahan pula, kekurangan aktiviti alternatif yang bermakna juga dikenal pasti sebagai pendorong utama kepada kecenderungan hedonisme. Sebanyak 8.8% responden menyatakan bahawa kebosanan menjadi sebab utama mereka menyertai aktiviti hiburan malam. Ini menunjukkan bahawa persekitaran kampus gagal menyediakan ruang dan program yang mencukupi untuk mengisi masa lapang pelajar secara produktif. Meskipun pelajar menyatakan bahawa hiburan membantu mengurangkan tekanan (66.5%), kajian ini mencadangkan perlunya pendekatan alternatif yang lebih sihat dan berteraskan pembangunan sahsiah. Ini termasuk aktiviti sukan malam, program rohani, kelab kesenian dan program kesukarelawanan yang boleh menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dan bermakna.

Kesimpulannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa budaya hedonisme dalam kalangan pelajar bukan sekadar berpunca daripada keinginan untuk berseronok, tetapi turut dipengaruhi oleh tekanan akademik, rakan sebaya, media sosial dan kekurangan alternatif positif. Ia tidak hanya menjejaskan kewangan pelajar, malah boleh menjejaskan tumpuan akademik, keseimbangan emosi dan pembentukan sahsiah. Maka, langkah holistik yang melibatkan pendidikan kewangan, pembangunan spiritual, pengukuhan nilai keluarga serta sokongan.

institusi dan masyarakat amat diperlukan bagi membendung gaya hidup ini sebelum ia menjadi norma yang sukar dikawal.

Cadangan Pendekatan Untuk Mengawal Gaya Hidup Pelajar

Keseluruhan hasil kajian menunjukkan bahawa para mahasiswa perlu diberi penekanan yang lebih serius dari segi perancangan perbelanjaan dan garis panduan peraturan rutin harian yang perlu dipatuhi sebagai seorang pelajar. Terdapat beberapa cadangan yang telah dikenalpasti untuk tujuan tersebut, antaranya ialah:

Implikasi kajian ini dapat membantu pihak pengurusan untuk menganjurkan program-program yang berfaedah kepada mahasiswa. Program-program berunsurkan pembangunan spiritual perlu diuar-uarkan agar para mahasiswa menyedari tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

Tamsilnya, mengadakan kuliah atau ceramah agama berkala dan mengundang penceramah dari pelbagai latar belakang untuk berkongsi ilmu berkaitan akhlak, ketuhanan dan nilai murni. Selain itu, aktiviti malam seperti solat tahajud, tazkirah ringkas dan munajat untuk meningkatkan hubungan dengan Allah S.W.T.

Hal ini penting kerana ia dapat membantu mahasiswa memperbaiki tingkah laku dan mengamalkan gaya hidup yang lebih produktif serta mendatangkan kecemerlangan dalam akademik dan kemantapan akhlak. Bertepatan dengan kajian Musliha, Rohana & Aminudin (2011) yang menyatakan penekanan kepada proses pendidikan yang berteraskan pembangunan spiritual akan mampu menjadi landasan yang kukuh bagi melahirkan pelajar yang seimbang, menyeluruh dan bersepadu selari dengan matlamat pendidikan kebangsaan (Musliha et al., 2011).

Pihak pentadbiran juga memainkan peranan yang sangat penting dalam mempertingkatkan kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar. Justeru, Unit Hal Ehwal Pelajar (UHEP) dilihat amat dekat dan relevan untuk memantau aktiviti-aktiviti kehidupan seharian pelajar, terutamanya yang tinggal di kampus atau kamsis. Ini kerana gaya hidup pelajar, termasuk pengurusan masa, corak pergaulan, keterlibatan dalam aktiviti berfaedah, serta tahap disiplin banyak dipengaruhi oleh persekitaran mereka semasa di institusi pengajian.

Oleh kerana proses pendidikan berlaku secara menyeluruh dan bersepadu yang merangkumi aspek akademik, kokurikulum dan sahsiah maka UHEP seharusnya bertanggungjawab dalam merangka, merancang dan menetapkan aktiviti-aktiviti yang sesuai dilaksanakan oleh mahasiswa, khususnya mereka yang tinggal di kamsis.

Sebagai contoh, sesi bimbingan kaunseling boleh menjadi medium yang efektif dalam membentuk disiplin diri dan menghindarkan para pelajar daripada membuang masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti lepak tanpa arah tujuan, ketagihan gajet atau pergaulan bebas. Sekiranya UHEP mengambil tanggungjawab dan peranannya dengan serius serta konsisten, maka ia bukan sahaja dapat menjadi pelengkap kepada pendidikan formal di politeknik, malah mampu membina pelajar yang lebih seimbang dari aspek intelek, emosi dan sosial. (Norazri, 2010).

Pihak penggubal kurikulum disarankan supaya menyemak semula kurikulum yang digunakan di politeknik agar lebih selaras dengan keperluan pembangunan pelajar secara holistik. Penekanan perlu diberikan kepada mata pelajaran yang menjurus kepada pembentukan sahsiah, pengukuhan nilai moral, dan pemantapan akhlak. Ini penting bagi mengelakkan berlakunya jurang ketara antara kecemerlangan intelektual dan spiritual dalam kalangan pelajar.

Pendidikan yang hanya menumpukan aspek akademik semata-mata tanpa disertai nilai keinsanan akan melahirkan graduan yang tidak lengkap dari segi peribadi dan tanggungjawab sosial. Teras kepercayaan kepada Tuhan haruslah menjadi elemen utama dalam penggubalan kurikulum.

politeknik bagi memastikan pelajar sentiasa berpandukan nilai etika dan integriti dalam setiap tindakan. Kurikulum yang sistematik, unggul dan utuh bukan sahaja dapat menarik minat pelajar, tetapi juga membentuk pemikiran yang seimbang serta menjadikan mereka lebih menghargai dan menghayati ilmu yang dipelajari.

Pengintegrasian nilai-nilai kerohanian dalam kandungan pembelajaran dapat membantu pelajar menghadapi cabaran kehidupan dan tekanan akademik dengan lebih tenang dan matang. Dalam hal ini, Nor'ain (1999) dalam kajiannya turut menerangkan bahawa sikap positif terhadap sesuatu mata pelajaran berupaya mempengaruhi tingkah laku serta pembentukan sahsiah pelajar.

Oleh itu, penilaian semula kurikulum bukan sahaja relevan, malah perlu dilakukan secara berkala bagi memastikan sistem pendidikan terus relevan dan berkesan dalam melahirkan pelajar yang berkualiti dari semua aspek. (Nor'ain,1999).

Peranan Institusi Pendidikan, Keluarga Dan Masyarakat

Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan kualiti hidup yang sejahtera. Ia bertindak sebagai pemangkin utama kepada kesejahteraan individu dan masyarakat dengan menyediakan akses kepada sumber ekonomi yang stabil, membentuk kawalan diri yang kukuh serta mewujudkan hubungan sosial yang harmoni. Melalui pendidikan, individu dapat membina keyakinan diri, mengenali potensi sebenar mereka, serta memperluas pandangan terhadap dunia dan kehidupan.

Selain itu, pendidikan juga membantu dalam pembangunan sahsiah diri melalui peningkatan kemahiran membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan mengurus tekanan emosi, sekali gus menjadikan individu lebih bersedia menghadapi cabaran hidup. Keseluruhannya, pendidikan bukan sahaja mencorakkan masa hadapan individu dari segi ekonomi dan sosial, malah turut menjamin kesejahteraan fizikal, emosi dan spiritual dalam jangka masa panjang (Koperasi Wawasan Malaysia Berhad [KOWAJA], 2022).

Keluarga merupakan institusi asas dalam kehidupan seseorang pelajar dan memainkan peranan yang amat besar dalam membentuk gaya hidup anak-anak. Ibu bapa seharusnya menjadi contoh teladan yang baik kepada anak-anak dalam aspek pengurusan kehidupan seharian, seperti disiplin diri, gaya hidup sihat dan pengurusan kewangan yang berhemah.

Didikan awal daripada rumah seperti menanam nilai sederhana, mengutamakan keperluan berbanding kehendak serta menekankan kepentingan kesihatan mental dan fizikal akan membantu pelajar membentuk asas kehidupan yang seimbang.

Selain itu, ibu bapa juga harus sentiasa memantau perkembangan anak-anak, termasuklah aktiviti harian mereka, pergaulan, penggunaan media sosial serta prestasi akademik. Pemantauan ini perlulah dilakukan secara berhemah dan bukan secara keterlaluan agar anak-anak berasa dihargai dan diberikan kebebasan yang terkawal. Tambahan pula, sokongan emosi daripada keluarga amat penting untuk memastikan anak-anak berasa selamat, disayangi dan lebih yakin dalam membuat pilihan yang betul berkaitan gaya hidup mereka (KOWAJA, 2022).

Masyarakat juga tidak boleh memandang ringan terhadap tanggungjawab mereka dalam membantu pelajar mengawal gaya hidup agar tidak tersasar daripada landasan yang betul. Persekitaran komuniti yang sihat, aman dan positif mampu memberi pengaruh besar kepada pembentukan keperibadian pelajar. Sebagai contoh, masyarakat boleh menyediakan kemudahan seperti taman permainan, dewan serbaguna, pusat komuniti dan perpustakaan yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar untuk menjalani aktiviti berfaedah.

Di samping itu, masyarakat juga boleh menganjurkan program kesukarelawanan, ceramah motivasi, kelas agama dan aktiviti kebajikan yang membuka peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan yang sihat dan membina sahsiah diri. Tambahan pula, media massa dan sosial yang merupakan sebahagian daripada elemen masyarakat perlu memainkan peranan untuk menyebarkan mesej positif dan menjauhi kandungan yang mempromosikan gaya hidup hedonistik atau keterlaluan. Masyarakat yang prihatin dan saling menyokong akan mewujudkan suasana yang kondusif bagi pelajar untuk membina gaya hidup yang lebih seimbang dan produktif.

Kepentingan Kesedaran Kewangan Dan Aktiviti Alternatif Yang Bermanfaat

Kesedaran kewangan dan penglibatan dalam aktiviti alternatif yang bermanfaat merupakan elemen penting dalam membentuk gaya hidup pelajar yang seimbang dan bertanggungjawab. Kesedaran kewangan merujuk kepada keupayaan seseorang untuk memahami, mengurus dan membuat keputusan kewangan secara bijak mengikut kemampuan sebenar. Dalam kalangan pelajar, sikap berhemah dalam berbelanja amat penting bagi mengelakkan pembaziran, terjebak dalam hutang, atau menjalani gaya hidup yang melebihi kemampuan. Pelajar yang mempunyai kesedaran kewangan biasanya tahu membezakan antara keperluan dan kehendak, menyusun bajet secara terancang, dan menabung untuk masa depan. Sikap ini bukan sahaja membantu mereka mengurus kewangan dengan lebih baik semasa belajar, malah membentuk asas yang kukuh untuk kehidupan dewasa kelak.

Di samping itu, aktiviti alternatif yang bermanfaat seperti bersukan, menyertai kelab dan persatuan, menjalankan kerja sukarelawanan, atau terlibat dalam seni dan kebudayaan dapat mengisi masa lapang pelajar dengan aktiviti yang sihat dan bermakna. Aktiviti seperti ini bukan sahaja dapat mengelakkan pelajar daripada terlibat dalam gejala sosial atau aktiviti yang melalaikan, malah membantu membina sahsiah diri, kemahiran

insaniah serta jati diri yang kuat. Dengan adanya gabungan kesedaran kewangan dan penglibatan aktif dalam aktiviti berfaedah, pelajar akan lebih cenderung untuk memilih gaya hidup yang seimbang, produktif dan berkualiti tinggi (Mohamad, 2023; KOWAJA, 2022).

KESIMPULAN

Pengawalan gaya hidup pelajar merupakan suatu aspek yang amat penting dalam memastikan pembangunan insan yang seimbang, bermoral, dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran dunia moden. Berdasarkan hasil kajian dan cadangan yang telah dibincangkan, jelas bahawa pendekatan yang komprehensif dan bersepadu perlu diterapkan bagi membantu pelajar menguruskan kehidupan mereka dengan lebih teratur dan bertanggungjawab.

Pertama sekali, institusi pendidikan memainkan peranan utama dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan menyokong pembentukan sahsiah pelajar. Melalui program pembangunan spiritual, aktiviti kokurikulum, bimbingan kaunseling, serta penilaian dan penyemakan kurikulum secara berterusan, institusi dapat memastikan pelajar tidak hanya cemerlang dalam aspek akademik tetapi juga kukuh dari segi nilai moral, etika, dan akhlak.

Selain itu, peranan keluarga sebagai institusi asas tidak boleh dipandang ringan. Didikan dan pemantauan daripada ibu bapa sangat penting dalam membentuk disiplin diri, gaya hidup sihat, dan kesedaran kewangan yang berhemah dalam kalangan pelajar. Keluarga perlu menjadi sumber sokongan emosi yang stabil agar pelajar berasa dihargai dan mempunyai keyakinan untuk membuat keputusan yang positif dalam kehidupan seharian mereka.

Di samping itu, masyarakat juga berperanan besar dalam mewujudkan suasana yang positif dan menyediakan seperti kesukarelawanan, sukan, serta aktiviti kebudayaan dan keagamaan. Penglibatan masyarakat ini dapat mengurangkan risiko pelajar terjerumus ke dalam gejala sosial negatif yang boleh menjejaskan masa depan mereka.

Tidak kurang pentingnya ialah aspek kesedaran kewangan dan penglibatan dalam aktiviti alternatif yang sihat. Pelajar yang memiliki kemahiran mengurus kewangan dengan baik akan lebih berupaya mengelakkan pembaziran dan tekanan kewangan yang boleh memberi impak negatif kepada kehidupan akademik dan sosial mereka. Melalui pendidikan kewangan yang sistematik, pelajar dapat membina tabiat pengurusan kewangan yang berdisiplin dan berhemah. Tambahan pula, penglibatan aktif dalam pelbagai aktiviti alternatif seperti sukan, persatuan pelajar, dan kerja sukarela bukan sahaja mengisi masa lapang dengan cara yang produktif, malah membantu membentuk kemahiran insaniah yang penting seperti kepimpinan, komunikasi, dan kerjasama. Ini seterusnya membina jati diri pelajar sebagai insan yang seimbang dan bertanggungjawab.

Kesimpulannya, pengawalan gaya hidup pelajar memerlukan sinergi antara institusi pendidikan, keluarga, dan masyarakat agar dapat melahirkan generasi muda yang bukan

sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga kukuh sahsiah, berdisiplin, dan mampu menghadapi cabaran kehidupan dengan penuh yakin dan matang.

Pendekatan holistik ini penting untuk memastikan pelajar tidak hanyut dalam arus gaya hidup moden yang tidak terkawal, malah mereka dapat mengimbangi pelbagai aspek kehidupan secara harmoni. Usaha berterusan dan komitmen daripada semua pihak amat diperlukan supaya pelajar dapat menikmati kehidupan yang berkualiti tinggi dan memberikan sumbangan positif kepada pembangunan negara dan masyarakat secara keseluruhannya.

RUJUKAN

- Ahmad, N., & Hashim, A. (2016). Literasi Media dalam Kalangan Remaja: Satu Kajian di Bandar dan Luar Bandar. *Jurnal Abqari*, 8, 35–50. <https://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/view/133/106>
- Abd Rahim, R. (n.d.). Kepentingan pendidikan dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera. *Malaysian Education and Development Conference (MEDC)*. <http://www.fp.utm.my/medc/journals/vol2/6.%20KEPENTINGAN%20PENDIDIKAN%20DALAM%20PENBENTUKAN%20KUALITI%20HIDUP%20SEJAHTERA.pdf>
- Cendooldurian. (2024, June 10). Apa itu hedonisme: Filosofi di sebalik kenikmatan. Cendooldurian. Retrieved May 30, 2025, from <https://cendooldurian.my/apa-itu-hedonisme-filosofi-disebalik-kenikmatan.html>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Hamzah, H., Sabjan, M. A., & Mat Akhir, N. S. (2016). Konsep budaya hedonisme dan latar belakangnya dari perspektif ahli falsafah Yunani dan Barat moden. *Jurnal al-Tamaddun*, 11(1), 49–58.
- Hamzah, S. R., Suandi, T., Hamzah, A., & Tamam, E. (2013). Pengaruh rakan sebaya ke atas tingkah laku hedonistik belia IPT di Malaysia. *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)*, 63(1), 17–23. <https://doi.org/10.11113/jt.v63.1656>
- Koperasi Wawasan Malaysia Berhad (KOWAJA). (2022, April 14). Kepentingan pengurusan kewangan dalam kehidupan. <https://kowaja.com.my/kepentinganpengurusan-kewangan/>
- Missthreetower. (2017). Punca berlaku budaya hedonisme. <https://missthreetower.blogspot.com/2017/07/punca-berlaku-budaya-hedonisme.html>
- Mohamad, M. H. (2023). Cabaran pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia. *Research in Islamic Studies (RIS)*, 6(1), 1–12. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/RIS/article/download/53044/17021/143647>
- Mohd Azmir, M. I., & Che Zainal, A. R. (2016). Pengaruh rakan sebaya ke atas tingkah laku hedonistik belia IPT di Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 78(5), 27–33. <https://journals.utm.my/jurnalteknologi/article/view/1656>
- Mohd Farhan Zainal. (2007). *Lepak: Satu Fenomena Sosial Remaja*. Universiti Teknologi Malaysia. <https://eprints.utm.my/2288/1/lepak.pdf>



- Norazri, M. Z. (2010). Tahap pengetahuan dan amalan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM [Tesis Sarjana Muda, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia]. UTHM Institutional Repository.
<http://eprints.uthm.edu.my/1654/1/24p%20NORAZRI%20BIN%20MOHD%20Z AIDIN.pdf>
- Pallant, J. (2020). SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS (7th ed.). McGraw-Hill Education.
- Sayapejuangbahasa. (2018, Julai 9). Mengapa kita menonton filem. <https://sayapejuangbahasa.blogspot.com/2018/07/mengapa-kita-menonton-filem.html>
- Sitorus, S. D., Irfani, H., & Rahmah, N. (2023). Pengaruh fear of missing out (FOMO) terhadap perilaku konsumtif generasi Z. *Jurnal Manajemen Ekonomi dan Akuntansi*, 8(2), 159–172.
<https://journal.stiemb.ac.id/index.php/mea/article/view/2887>
- Syed Shamsuddin, S. S., Ab. Rahim, M. F. W., & Mat Bakri, M. S. (2023). Budaya hedonisme dalam kalangan remaja Muslim: Tinjauan terhadap pendidikan akhlak dalam Islam menurut Kitab Penawar Bagi Hati karya Syeikh Abdul Kadir Al-Mandili. In S. R. Mat, A. A. Rahman, N. A. Abdulah, & A. Ismail (Eds.), *Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2023)* (hlm. 151–168). Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). <https://www.penerbit.usim.edu.my>
- Zulkifli, A. (2010). Ketagihan Remaja Terhadap Permainan Video. *Scribd*. <https://www.scribd.com/doc/33345208/Ketagihan-Remaja-Terhadap-permainanVideo>